



Aku & Buku

Editors:
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai

2025



Aku & Buku

**Editor:**

*Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai*

Penerbit:

UiTM Cawangan Kedah

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

Hak Cipta

Hak cipta@ adalah milik penulis/pemilik asal. Penyuntingan bahasa dan pembacaan pruf telah dijalankan oleh pasukan editorial dengan kebenaran penulis.

Segala pandangan, pendapat dan syor teknikal yang dikemukakan oleh penyumbang adalah tanggungjawab mereka sepenuhnya dan tidak semestinya mencerminkan pendirian editor, fakulti atau universiti.

Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbitkan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, salinan semula atau sebarang sistem simpanan dan capaian, tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400 Kedah.

eISBN: 978-967-2948-81-0

Diterbitkan oleh:

Universiti Teknologi MARA
08400 Merbok, Kedah, Malaysia

Editor:

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai



Kandungan

Tajuk	Muka Surat
Kata Pengantar	
Kata Aluan	
Pendahuluan	
1. Peneman Setia	1
2. Cinta Ekonometrik dan Cinta Residual	5
3. Inspirasi Dale Carnegie	8
4. Aku, Buah dan Buku	15
5. Dari Cerita Dongeng, Akhirnya Menggapai Impian	20
6. Aku di Alam Buku	24
7. Kisah Imam Syafie	27
8. Menyingkap Kegemilangan Umat Islam di Andalusia	33
9. Kisah Penaklukan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad Al-Fateh	39
10. Bukuku adalah Teman Karibku	45
11. Korban Kasih	51
12. Buku, Penyelamatku	54
13. Aku, Abah dan Buku	58
14. Sebuah Buku Berwarna Coklat	62
15. TAMAR JALIS: Stephen King Malaya	65
16. Jasa Terindah	68
17. Ditendang Lagi	71
18. Anak Sulung	76
19. Inspirasi Membentuk Jatidiri	79
20. Dari Lemari Antik Moyang ke Troli e-Dagang	82
21. Menara Alam dan Kimia Manusia	86
22. Minat Membaca yang Hilang	91
23. Satu Jam Boleh Merubah Hidup	93
24. Pengembaraan Melalui Kuasa Petikan	96
25. Kāna yāmā kān	99
26. Aku, Buku dan Secangkir Kopi	102
27. Manisnya Senyumanmu	105
28. Anak-anakku & Buku	110
29. Buku Mendidik Aku	114
30. Sebuah Perjalanan Menemukan Diri	118
31. Menggenggam Bara	122
32. Diari Perjalanan Aku dan Buku	126
33. Kertas-kertas yang Harum	129
34. Pasti Ada Minatku	132
35. Aku, 'Buku Pink' dan Tesis: Kisah Kerinduan, Penantian dan Harapan	135
36. Kehidupan dalam Kata: Buku Guru Sebuah Kehidupan	140
37. Manga dan Aku	144
38. Dirimu Sentiasa Ada!	148
39. Sihat with Me	152
40. Aksaramu Inspirasiku	155
41. Kerana Sebuah Buku	159
42. Pahit Manis Pengalaman Bersama Buku	161
43. Ibrah Melalui Syukur	165
44. Kenangan Itu	168
45. Perjalanan Literasi: Dari Perpustakaan Sekolah Hingga ke Universiti	172
46. Buku "Tangan Kedua"	176
47. "달콤한 추억" di Bumi Korea	180
48. Pi Mai Pi Mai Bersua di PBAKL 2024	183
49. Baca Buku? Nerdiah Pulak!	186
50. Kekuatan di Sebalik Buku Pemberian Sahabat	190



Kata Pengantar

Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah inisiatif murni oleh Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah yang menghimpunkan karya penulisan kreatif oleh seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari pelbagai fakulti dan jabatan. Kompilasi ini adalah manifestasi semangat cinta terhadap ilmu, bahasa, dan budaya, serta usaha berterusan untuk memupuk pemikiran kritis dan ungkapan kreatif di kalangan warga universiti.


Penulisan dan penerbitan merupakan antara medium utama dalam penyebaran ilmu, dan ia memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat berilmu dan berbudaya. Namun di samping kesibukan menulis artikel ilmiah berimpak tinggi, projek Aku & Buku muncul bagi menawarkan peluang warga universiti untuk menulis buah fikiran dan pengalaman peribadi dalam bentuk santai namun sampai ke hati pembaca. Himpunan karya-karya kreatif ini bukan sahaja menyemarakkan lagi arena kesusasteraan tanah air, tetapi turut memberi peluang kepada para akademik untuk menyuarakan idea, pandangan, dan imaginasi mereka dalam bentuk yang segar dan bermakna.

Sebagai institusi pengajian tinggi yang sentiasa mendokong nilai keilmuan dan pengembangan minat dalam apa jua bentuk penulisan, UiTM berbangga dapat menyokong dan merealisasikan penerbitan buku ini. Semoga karya-karya yang terkandung dalam kompilasi ini menjadi sumber inspirasi dan rujukan berharga kepada pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya serta pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini.

Selamat membaca.

Ketua Editor,
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai





Kata Aluan



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, Projek Aku & Buku berjaya diterbitkan. Kompilasi ini merupakan manifestasi minat yang tinggi terhadap bahasa dan penulisan kreatif, yang lahir daripada ilham serta komitmen seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya, serta warga kerja yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Usaha ini membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi bukan sahaja menjadi medan penyebaran ilmu, malah turut menyemarakkan elemen budaya dan kreativiti dalam penulisan.

Unit Penerbitan

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai
Siti Mukhlisa Mohamad Khairul Adilah
Nurfarisya Hafiz
Berlian Nur Morat
Nor Asni Syahriza Abu Hassan
Syakirah Mohammed
Hajjah Sharina Saad
Mas Aida Abd Rahim
Syazliiyati Ibrahim
Abdul Majeed Ahmad

Penyunting

Berlian Nur Morat

Pereka Layout & Grafik

Asrol Hasan

Semoga buku ini menjadi inspirasi kepada para pembaca dan terus menggalakkan penghasilan karya kreatif yang berkualiti pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



Pendahuluan

Penulisan kreatif merupakan medium penting dalam menyampaikan nilai, emosi dan pemikiran masyarakat. Ia bukan sekadar hiburan, malah berperanan dalam mencorak budaya intelektual dan memperkaya khazanah ilmu. Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah himpunan karya penulisan kreatif yang lahir daripada ilham dan bakat warga akademik, khususnya dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, serta sumbangan penulis dari fakulti dan institusi lain.

Kompilasi ini menampilkan pelbagai genre dan gaya penulisan yang mencerminkan kepelbagaian latar belakang dan pengalaman para penulisnya. Usaha ini sejajar dengan aspirasi UiTM dalam menggalakkan budaya penulisan, penyelidikan, dan penerbitan sebagai tunjang penyebaran ilmu yang berterusan kepada masyarakat.

Menerbitkan karya kreatif dalam bentuk buku bukan sahaja membuka ruang kepada ekspresi diri, tetapi juga memperkukuh peranan institusi pengajian tinggi dalam memperkaya wacana sastera tempatan. Semoga buku ini dapat menjadi pencetus inspirasi, pemangkin idea, serta wadah untuk menyemai minat terhadap dunia penulisan dan pembacaan.



Kehidupan dalam Kata: Buku Guru Sebuah Kehidupan

Nur Hanani Nordin

Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Kampus Dengkil

Zaman Kanak-Kanak: Buku Peneman Setia

Sedari dari kecil, buku dan aku ibarat teman. Ke mana sahaja kaki melangkah, pasti buku itu akan dibawa sekali sebagai peneman mengisi masa senggang. Sudah sebatang dengan diriku untuk membawa bahan bacaan ke mana-mana memandangkan aku seorang anak bongsu yang saban hari meluangkan waktu sendiri di rumah bersama pembantu rumah di kala mama dan abah sibuk mencari rezeki untuk kami enam beradik. Ya, aku punya ramai kakak dan abang tapi entah mengapa, aku lebih senang berdamping dengan halaman buku kerana aku berasa seakan-akan dalam duniaku sendiri setiap kali aku menelusuri halaman demi halaman.

Aku masih ingat buku pertama yang aku dapati merupakan sebuah novel Bahasa Inggeris bersekuel yang bertajuk "Mr.Midnight". Ketika itu aku masih berusia tujuh tahun dan aku sangat sukakan cerita-cerita berunsur fiksi kerana ia merupakan satu ruang untuk aku melupakan kesunyian yang nyaring sekali bunyinya di rumah besar yang aku diami. Hari demi hari, semakin banyak genre buku yang aku baca dan minatku semakin membuak-buak apabila aku dapat menjadi pengawas perpustakaan. Di kala rakan-rakan sibuk membeli makanan pada waktu rehat, aku sememangnya senang berada di ruang bacaan untuk mengemas, menyusun dan membuat pembacaan singkat meskipun untuk cuma 30 minit. Keasyikan terhadap buku menjadi lebih hebat apabila aku mula mempunyai teman untuk bercerita dan berkongsi perasaan mengenai bahan pembacaanku. Rezeki di usia muda, aku dipertemukan dengan sahabat yang mempunyai minat membaca yang sama. Waktu itu aku sedar betapa seronoknya buku itu menjadi permulaan sebuah persahabatan, permulaan sebuah perbualan dan permulaan untuk aku meluahkan isi hatiku.

Namun begitu, berdampingan dengan bahan bacaan kadang-kadang membuatkan aku lupa bahawa keutamaanku adalah pelajaran. Sering kali aku dimarah oleh mama kerana mengutamakan untuk membaca lebih daripada makan, main, mengaji dan macam-macam lagi. Titik perubahanku bermula apabila peperiksaan UPSR semakin hampir, aku sedar aku tak punya banyak waktu lagi untuk membaca buku-buku fiksi. Azamku cuma satu, buku akademik perlu menjadi penemanku pula demi membawa sekeping keputusan 5A untuk mama dan abah. Pada waktu ini, buku masih menjadi peneman setia ke mana-mana, namun keutamaanku lebih kepada buku akademik dan bermula dari situ aku sedar bahawa buku bukan sekadar peneman pada waktu lapang, tetapi boleh menjadi titik tolak sebuah kejayaan seandainya aku tahu bagaimana untuk memanfaatkannya.

Zaman Remaja: Buku Sebagai Jambatan Mencari Identiti Diri

Apabila meningkat remaja dan memasuki alam sekolah menengah, minatku terhadap buku masih tebal seperti dulu. Namun, genre yang aku minati mula berubah dek terpengaruh

dengan ajakan rakan-rakanku. Kalau dulu, pembacaanku lebih menjurus kepada buku kartun yang berunsur mistik, minat aku mula berubah ke arah bahan bacaan yang lebih dewasa seperti "Looking for Alaska" yang bertemakan tentang hubungan remaja yang masih belum matang dan terlibat dalam hubungan platonik.

Terdapat unsur-unsur yang berbaur kurang enak di dalam buku ini tetapi dalam masa yang sama, banyak pengajaran yang aku pelajari. Buku ini mengajarkan aku untuk tidak mudah percaya dengan kata-kata manis orang sekeliling. Buku ini menjadikan aku lebih peka terhadap sekeliling dan tidak terlalu khayal dengan angan-angan yang masih belum nyata. Perlahan-lahan aku mulai sedar bahawa pepatah yang berbunyi "kamu adalah apa yang kamu baca" itu amat tepat sekali. Suka atau tidak, aku periu menerima hakikat bahawa buku yang aku baca merupakan pengaruh terbesar dalam kehidupanku, lebih-lebih lagi pada awal usia remaja yang masih mencari-cari identiti diri yang sebenar.

Selepas daripada itu, banyak juga bahan bacaan lain yang menjadi penemanku pada waktu senggang tetapi satu naskhah yang bertajuk "My Sister's Keeper" telah menjadi satu titik tolak terbesar dalam pencarian identitiku yang masih terumbang-ambing seperti ombak di lautan. Aku dapati buku itu dengan niat untuk mengganti sekuel "Harry Potter" yang sudah aku tamatkan pembacaannya tanpa aku sedari bahawa buku berkenaan hubungan adik-beradik itu telah memberi impak yang besar kepada personaliti diriku. Aku belajar tentang erti sebuah pengorbanan seorang adik demi melihat kakaknya mendapat kehidupan yang normal melalui buku itu. Tapi bukan itu yang menarik perhatianku, buku ini juga telah membuka mataku bahawa masih ada insan-insan yang tidak berperikemanusiaan yang sanggup melakukan apa sahaja demi orang yang mereka sayangi, waima darah daging sendiri.

Buku itu menjadikan aku sedar bahawa ibu bapa juga manusia biasa dan bukan malaikat tanpa sayap. Aku belajar untuk menjadi lebih matang dalam memahami kata-kata dan nasihat abah dan mama melalui buku itu. Pengorbanan yang aku saksikan di dalam buku itu membuka mata bahawa dalam dunia ini, tidak semua yang kita inginkan boleh menjadi kenyataan hanya kerana niat yang dirasakan telus dan tulus. Apa yang telah dilakukan oleh watak Anna di dalam buku itu menyentakku dari lena yang panjang. Kenapa aku berkata begitu? Sebagai anak perempuan bongsu, aku sering kali mengutamakan perasaan orang sekelilingku hanya kerana aku takut mereka akan meninggalkanku sendiri. Tetapi buku ini menjadi sebuah jambatan kepada pencarian identitiku di mana aku mula memilih diriku berbanding orang lain meskipun kadang kala perih untuk menolak pujukan yang tercinta. Memilih untuk meletakkan diri sendiri sebelum orang lain seawal umur enam belas tahun bukan satu perjalanan yang mudah untukku. Kadang-kadang banyak kali juga aku beralah sebab mengalah bukan bererti kalah bukan? Pada waktu-waktu seperti itulah, aku mula menjinakkan diri kepada buku bersifat non-fiksi. Dalam erti kata lain, buku "My Sister's Keeper" itu menjadi satu titik tolak untuk aku cuba membaca dalam konteks "Self-help".

Zaman awal remaja sehingga menjelang tujuh belas tahun merupakan zaman yang mencabar untukku. Apabila aku cuba membaca buku sebegini, banyak juga kritikan dan ejekan yang aku terima. Lumrah manusia apabila ingin memulakan sesuatu, pasti banyak ujian dan rintangan yang mengayuh sama seiring dengan perubahan yang ingin kita buat. Untuk yang mengenali aku, mereka pasti tahu yang aku jarang sekali membaca buku dalam bahasa Melayu namun buku nukilan Prof Muhaya menjadi antara salah satu buku pembangunan identiti yang aku baca. Buku-buku beliau menjadikan aku lebih positif dan peka bahawa hidup ini merupakan satu perjalanan yang memerlukan banyak pengorbanan dan air mata tetapi itu tidak bermakna kita perlu meletak diri sendiri pada titik paling bawah.

Aku masih ingat satu buku non-fiksi yang menjadi pilihanku bertajuk "Engkau memang cantik". Tajuknya sendiri sudah berbunyi untuk memujuk diri sendiri tetapi aku tertarik dengan buku ini sebab banyak memberikan aku kesedaran bahawa sebagai seorang anak

remaja, aku seakan-akan tidak bersyukur dengan apa yang aku miliki. Perbandingan demi perbandingan yang aku lakukan hanya kerana bentuk fizikal, intelektual mahupun ketahanan emosiku tidak semampai anak muda yang lain. Buku inilah membuatkan aku percaya bahawa setiap orang mempunyai kelebihan dan kecantikan dalam pelbagai bentuk dan bukan hanya bergantung kepada material semata-mata. Pada zaman remaja inilah aku belajar untuk lebih mengawal apa yang aku dengar dan baca. Pada waktu ini jugalah aku belajar bahawa tidak semua yang aku baca itu bagus untuk pembangunan diriku.

Sebab itu aku kata buku merupakan jambatan pencarian identiti diri kerana pada titik inilah aku sedar bahawa pembacaan adalah pengaruh terbesar terhadap pembangunan diriku. Melalui halaman buku, aku belajar untuk lebih bersabar dalam menangani orang di sekelilingku meskipun acap kali aku mengatakan bahawa teori dan praktikal itu bagai langit dan bumi tetapi itulah yang menjadi penguat untuk aku sentiasa berusaha menjadi lebih baik. Bila difikir-fikir, lucu rasanya mengenang perangai aku yang dahulu tetapi aku sangat berterima kasih dengan naskhah-naskhah yang aku baca kerana helaian tidak bernyawa itulah yang menjadi peneman setia dan jambatan untuk aku menjadi diriku pada hari ini.

Zaman Dewasa: Buku Sebagai Penyejuk di Kala Suka dan Duka

Meningkat dewasa, masa untuk membaca semakin berkurang dek tugas-tugas sebagai seorang dewasa yang semakin hari semakin menimbun. Tak lupa juga dengan adanya telefon pintar, tangan ini semakin cekap memegang objek besi yang satu itu berbanding helaian buku yang pada awalnya merupakan teman baikku sejak kecil lagi. Tetapi kalau membaca itu memang sebatang dengan diri, tidak boleh lari daripada perangai yang satu itu. Pembacaan menggunakan helaian kertas perlahan-lahan beranjak kepada pembacaan menggunakan aplikasi di telefon yang telah dimuat turun. Sedikit demi sedikit, aku semakin ketagih semula dengan pembacaan melalui telefon. Bagiku, cara pembacaan seperti itu mudah, cepat dan boleh diakses di mana sahaja asalkan ada talian internet. Ini secara tidak langsung membuatkan minatku terhadap buku fizikal semakin berkurang dek hanyut dengan pembacaan secara dalam talian.

Memang benar orang kata, tak kenal maka tak cinta. Aku yang sekarang masih sangat suka membaca namun pembacaanku pada usia yang menganjak dewasa ini lebih menjurus kepada sesuatu yang dapat melarikan aku dari kerasnya dunia nyata. Kalau suatu ketika dahulu aku merasakan buku itu sebagai peneman dan jambatan untuk mencari siapa diri aku sendiri, sekarang buku adalah satu cara efisien untuk aku lari daripada suka dan duka kehidupan. Pembacaan fiksi dengan penggunaan kata yang lebih puitis membuatkan aku sejuk daripada kepanasan sebuah kehidupan. Kalau aku dimarah oleh majikan sekali pun, bukulah tempat aku mencari ketenangan dan menjadi "comfort place" bagi aku meregangkan ketegangan di hati ini. Aneh bunyinya tapi itulah satu fasa yang sedang aku lalui sekarang. Hujung mingguku lebih banyak aku habiskan dengan membaca dari satu naskhah ke satu naskhah yang lain. Pembelian e-book sudah menjadi satu hobi ditambah lagi dengan aplikasi seperti "kindle". Kadang aku pelik juga dengan diri sendiri, bukannya tidak mampu beli buku fizikal tetapi anjakan paradigma yang satu ini memang membuatkan aku lebih aman dan tenang setiap kali aku letih dengan tugas hakikiku pada siang hari.

Baru-baru ini, aku membeli satu naskhah bertajuk "Don't Sweat The Small Stuff" dan aku merasakan itu adalah pembelian yang terbaik setakat ini. Sebagai seorang wanita pada abad yang penuh dugaan dan cabaran ini, nukilan seperti inilah yang sentiasa membuatkan aku sedar bahawa semua yang aku lalui di alam realiti ini bukanlah terlalu susah dan besar sampai perlu hidup dalam tekanan berterusan. Pembacaan aku dalam menginjak umur akhir dua puluhan ini lebih santai dan berarah kepada perkara yang dapat menyejukkan aku di kala fikiran dilanda badai yang tak berpenghujung. Kalau ditanya apa perkara yang paling aku cintai pada usia ini, terus terang aku katakan, membaca pada waktu pagi sambil menikmati minum kafein

di kafe yang aman dan damai adalah satu kemewahan yang tidak dapat dibeli dengan wang ringgit. Kerana hal seperti ini membutuhkan jiwa yang tenang, fikiran yang lapang dan hati yang tidak gundah gulana. Oleh itu, dapat aku simpulkan bahawa buku bukan sekadar teman tetapi lebih daripada itu. Helaian demi helaian itulah yang menjadi penyejuk pada kala duka, peneman pada kala suka dan tiang kukuh pada kala aku terasa rapuh.

Kesimpulan: Buku Saksi Sebuah Perjalanan

Dalam setiap fasa kehidupan, pasti ada naik dan turunnya yang tersendiri kerana adat sebuah kehidupan adalah seperti roda. Kadang kita berada di atas, kadang kita berada di bawah. Tetapi di mana jua tahap kita berada, buku adalah naskhah yang menjadi saksi tidak bernyawa tentang betapa aku dan kita semua berjaya melepasi setiap fasa itu dengan penuh kudrat di dada. Pesanan untuk diri sendiri dan juga pembaca, teruskanlah minat dalam membaca selagi mana kita masih bernafas. Tidak ada orang yang hidup dalam kerugian selagi mana pembacaan itu dapat dijadikan sebagai pemangkin untuk menjadi lebih baik.



Aku & Buku

2025

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810